



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
PUAN FAIZAH BINTI ABDUL AZIZ
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI
ALUMNI FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT,
TAHUN 1968 SEHINGGA 1978**

**NURUL AIN FARHANA BINTI ZAHARUL MAHADI
(2019461536)**

**NUR HIDAYAH BINTI SHAHRUDDIN
(2019893272)**

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER SEPTEMBER 2020 - JANUARI 2021

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN		M/S
Roman Numerals	Abstrak Penghargaan Senarai Abreviasi Senarai Singkatan Rujukan Kata	i ii iii iv v - vii
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1 2
2.0	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan Kepada Tokoh	3 4
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	5 6 7 - 8
4.0	Kajian Literatur Topik 1 Topik 2	9 10
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	11 - 80
6.0	Log Temubual	81 - 89
7.0	Ralat	90
8.0	Glosari	91 - 94
9.0	Indeks	95 - 98
10.0	Bibliografi	99
11.0	Lampiran 11.1 Biografi Tokoh 11.2 Surat Perjanjian 11.3 Senarai Soalan 11.4 Diari Penyelidikan 11.5 Gambar, Sijil-Sijil Dan Bahan Yang Berkaitan	100 - 112

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang latar belakang dan pengalaman hidup Puan Faizah binti Abdul Aziz yang merupakan seorang Alumni Kajian Sains Perpustakaan pada tahun 1970. Sejarah lisan ini bertujuan untuk merungkaikan pengalaman hidup seorang tokoh untuk memberi pengenalan, pengetahuan dan inspirasi kepada generasi pelajar yang akan datang. Selain daripada mencungkil pengalaman hidup tokoh, transkrip ini bertujuan untuk menceritakan serba sedikit penubuhan sejarah bidang Kajian Sains Perpustakaan di Institut Teknologi Mara. Ramai yang tidak mengetahui bahawa nama Universiti Teknologi Mara pada ketika dulu dikenali sebagai Institut Teknologi Mara. Tahun berganti tahun, nama diubah diatas sebab peristiwa yang berlaku dan kemajuan yang diperolehi sepanjang penubuhannya. Kajian penyelidikan ini diperolehi bukan sahaja melalui Puan Faizah Abdul Aziz, malah kajian ini juga diperolehi daripada pelbagai sumber yang mengukuhkan pandangan kajian dan sokongan dari sumber-sumber yang sahih. Ianya dapat memberikan perbezaan pendapat tentang kajian penyelidikan ini. Kajian ini dihasilkan untuk memberi pengenalan dengan lebih mendalam kepada pelajar baharu di Fakulti Pengurusan Maklumat di masa akan datang.

KATA KUNCI

Kajian Sains Perpustakaan, Institut Teknologi Mara, Tokoh, Pelajar, Peristiwa.

ABSTRACT

This transcript discusses the background and life experience of Puan Faizah binti Abdul Aziz who was an Alumni of Library Science Studies in 1970. This oral history aims to unravel the life experience of a figure to provide introduction, share knowledge and inspiration to future generations of students. Apart from digging out the life experiences of the figures, this transcript aims to tell a little about the historical establishment of the field of Library Science Studies at the Mara Institute of Technology. Many do not know that the name Universiti Teknologi Mara was once known as Institut Teknologi Mara. Year after year, the name was changed due to the events that took place and the progress made during its establishment. This research study was obtained not only through Puan Faizah Abdul Aziz, but this study was also obtained from various sources that strengthen the views of the study and support from authentic sources. It can provide differences of opinion about this research study. This study was produced to provide a more in-depth introduction to new students in the Faculty of Information Management in the future.

KEYWORD

Library Science Studies, University Technology MARA. Figures, Students, Events.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke Hadrat Ilahi kerana memberikan kami kesihatan fizikal dan mental yang baik sepanjang mengerjakan transkrip ini. Terima kasih kepada pihak Institut Universiti Teknologi Mara, Kampus Johor kerana memberi peluang kepada pelajar Pengurusan Rekod (IM246) belajar dan menghasilkan Transkrip diatas bimbingan Pensyarah untuk subjek Sejarah Lisan (IMR604) iaitu Puan Siti Noorsiah binti Jamaluddin. Puan Siti Noorsiah menitikberatkan keperihalan pelajarinya dengan sentiasa memberi sokongan dan bantuan atas kekangan yang kami hadapi. Atas tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan beliau, kami dapat memahami subjek ini dengan baik dan dapat menghasilkan transkrip ini dengan jayanya.

Selain daripada itu, ribuan terima kasih juga kepada Tokoh yang ditemuramah, Puan Faizah binti Abdul Aziz diatas kerjasama beliau dalam proses penyiapan transkrip ini. Kami sangat berterima kasih diatas kesudian beliau untuk ditemuramah dan berkongsi pengalaman beliau kepada kami. Secara tidak langsung, beliau dapat melancarkan lagi proses penyiapan transkrip ini. Segalan perkongsian, penceritaan dan pengalaman beliau sangat luar biasa dan membanggakan kami. Kerjasama beliau amatlah kami hargai.

Di samping itu, kami mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga yang tidak lekang mendoakan permudahkan urusan kerja kami dan kejayaan kami. Termasuklah, rakan-rakan seperjuangan kami yang memberi tunjuk ajar dan berkongsi ilmu diatas kekeliruan. Apa yang kami dapat dari pemprosesan transkrip ini ialah ianya dapat mengajar kami sesuatu yang baru, mengajar kami erti kesabaran dan kekuatan dalam menimba ilmu sejarah,

RUJUKAN KATA

Ade	Ada
Aje	Sahaja
apps	aplikasi
Apa ni	Apa ini
Ambik	Ambil
Amik	Ambik
Asik	Asyik
Bawak	Bawa
Cam	Seperti
canne	Macam mana
Carik	Mencari
dak	tidak
Dah	Sudah
Diorang	Mereka
Dulu	Dahulu
Endak	Hendak
Gini	Begini
Gitu	Begitu
Hadoi	Aduh
Jap	Sekejap/Sebentar
Je	Sahaja
Kan	Bukan